



**KETUA PENGARAH  
DIRECTOR GENERAL**

Perpustakaan Negara Malaysia  
National Library of Malaysia  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Ministry Of Tourism, Arts and Culture Malaysia  
232, Jalan Tun Razak  
50572 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Tel : 603-2692 4588 / 603-2687 1901  
Faks (Fax) : 603-2692 7082  
Portal Rasmi (Official Portal) : [www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)  
E-mel (E-mail) : kp@pnm.gov.my

Rujukan : PNM 61.11 Jilid 20 (1)  
Tarikh : 15 Julai 2022

Puan Nor Asikin binti Mohamad  
Ketua Pustakawan  
Perpustakaan Sultanah Zanariah  
Universiti Teknologi Malaysia  
Jalan Sultan Yahya Petra  
54100 Kuala Lumpur

Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI PENGERUSI JAWATANKUASA MALAYSIA ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti puan sedia maklum, Mesyuarat Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara (PERPUN) pada 23 September 2019 telah bersetuju melantik puan sebagai Pengurus Malaysia Online E-Resources Consortium (MOLEC) dan dianggotai oleh Pustakawan Universiti Awam Malaysia, GLC dan Perpustakaan Negara Malaysia. Mesyuarat Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia (PERPUN) Bil. 1/2022 pada 23 Jun 2022 telah memutuskan pelantikan ini bagi tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa pada 23 Jun 2022 sehingga 23 Jun 2024. Terma rujukan MOLEC adalah seperti di **Lampiran**.

3. Saya yakin dan percaya dengan kepakaran dan pengalaman puan, MOLEC akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam memastikan perolehan dan penggunaan sumber elektronik dioptimumkan dalam kalangan Ahli Konsortium MOLEC dan perpustakaan di Malaysia.

BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 01228



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: MY - QMS 01228

**PELANTIKAN SEBAGAI PENGERUSI JAWATANKUASA MALAYSIA ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC)**

---

4. Komitmen dan kerjasama puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih


Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB)**

Ketua Pengarah  
Perpustakaan Negara Malaysia

s.k. : Encik Azman bin Hashim  
Pengerusi  
Jawatankuasa Ketua Pustakawan  
Universiti Awam (JKP)

## **TERMA RUJUKAN**

### **MALAYSIA ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC)**

#### **1. VISI**

Menjadi konsortium kebangsaan melalui pengoptimuman sumber ke arah kecemerlangan ilmu

#### **2. MISI**

Memastikan perolehan dan penggunaan sumber elektronik dilaksanakan dengan cekap dan berkesan berdasarkan pulangan atas pelaburan (ROI)

#### **3. OBJEKTIF**

1. Menyumbang kepada pembangunan dasar perolehan sumber elektronik, tertakluk kepada pekeliling sedia ada
2. Melaksanakan proses rundingan langganan dan pembelian dengan pembekal dan / atau penerbit
3. Melestarikan dasar perkongsian sumber maklumat dalam kalangan ahli

#### **4. FUNGSI & TANGGUNGJAWAB**

##### **Perolehan Sumber Elektronik Atas Talian**

1. Menjadi sumber rujukan bagi tujuan perolehan sumber elektronik dalam kalangan ahli melalui pewujudan satu platform yang komprehensif berkaitan pengurusan perolehan sumber elektronik
2. Melaksanakan rundingan secara berkumpulan bagi mendapatkan harga terbaik seterusnya mengurangkan kos langganan oleh ahli
3. Memastikan rundingan pakej/harga dipersetujui dan diterima oleh semua ahli

##### **Pengurusan Langganan Sumber Elektronik Atas Talian**

1. Menyediakan templat perjanjian lesen kontrak dan mengemaskini senarai semak perjanjian untuk semua ahli berdasarkan nasihat daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang.

### **Perkongsian Sumber Maklumat**

1. Pembangunan sumber elektronik mengikut niche area atau teras universiti/institusi, tertakluk kepada keperluan universiti/institusi
2. Penyediaan senarai langganan mengikut niche area
3. Pengemaskinian dan pemantapan Senarai Induk Langganan oleh ahli

### **Latihan**

1. Pemantapan pengetahuan dan kompetensi ahli melalui latihan secara komprehensif. Antara kemahiran yang perlu bagi ahli ialah:
  - i. Rundingan
  - ii. Pengurusan langganan
  - iii. Perhubungan awam
  - iv. Pengurusan risiko
  - v. Penilaian Return of Investment
2. Perkongsian pintar dengan agensi berkaitan dalam penganjuran kursus, antaranya ialah AKEPT, PSM, PNM dan PPM

## **5. GOVERNAN DAN STRUKTUR ORGANISASI**

### **Keahlian**

Keahlian terbuka kepada Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Awam, Perpustakaan Universiti GLC dan Perpustakaan agensi kerajaan dan Pusat Sitasi Malaysia (PSM). PSM bertindak sebagai wakil KPT bagi menasihati MOLEC mengenai dasar dan polisi Kementerian.

1. Ketua Perpustakaan/Ketua Jabatan akan melantik seorang ahli tetap sebagai wakil MOLEC.
2. Ketua Pustakawan/Ketua Jabatan/Ketua Perpustakaan disyorkan melantik pustakawan yang mengendalikan perolehan sumber elektronik sebagai ahli MOLEC
3. Ahli bertanggungjawab untuk menghadiri mesyuarat atau menghantar wakil
4. Ahli bertanggungjawab memberi sumbangan idea, buah fikiran dan mengambil tindakan susulan di atas perkara yang dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat

5. Mana-mana ahli boleh dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Kerja. Pemilihan ahli Jawatankuasa adalah berdasarkan persetujuan ahli mesyuarat
6. Ahli bertanggungjawab untuk melaporkan perkembangan mesyuarat MOLEC kepada Ketua Pustakawan/Ketua Perpustakaan/Ketua jabatan masing-masing
7. Jika ahli mesyuarat tidak hadir mesyuarat tanpa alasan sebanyak tiga (3) kali berturut-turut, Pengurus MOLEC akan mengeluarkan surat peringatan kepada Ketua Pustakawan/Ketua Perpustakaan/Ketua jabatan masing-masing

## **6. SEKRETARIAT**

Sekretariat MOLEC terdiri daripada:

1. Pengurus yang dilantik oleh PERPUN
2. Setiausaha yang dilantik oleh Pengurus MOLEC
3. Sekretariat akan memastikan sekurang-kurangnya 3 mesyuarat dijalankan setahun
4. Sekretariat adalah wakil perunding MOLEC dengan KPT, PSM dan penerbit komersial